

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SALAHUDDIN: MINISTRY ENSURE NO ABUSE ON NY PUBLIC FUND ALLOCATION, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6 KEMETERIAN TEGAS LARANG PENGEBOMAN IKAN, NEWS, MALAYSIA MSN -6 KEMENTERIAN TEGAS TAK BENAR AKTIVITI BOM IKAN, NASIONAL, BH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	PASTIKAN LESEN SAH, BISNES, HM -32	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	BOT TEMPATAN BERSAMA NELAYAN ASING DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -7 MASALAH PENCEROBOHAN NELAYAN VIETNAM, SUARA SINAR, SH -16 MUSIBAH PUKAT TUNDA GANDING, SETEMPAT, HM -3 IMPORT IKAN 2 JUTA TAN METRIK SETAHUN, SETEMPAT, HM -3 EKOSISTEM MARIN BERDEPAN KEPUPUSAN, SETEMPAT, HM -3 BEKERJASAMA TANGANI ISU PENCEROBOHAN NELAYAN VIETNAM, SETEMPAT, HM -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) / LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	DURIAN D24 DIJUAL RM16 SEKILOGRAM, SINAR NEGERI UTARA, SH -38	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12. 13.	AROMA THE MARDI CAMERON HIGHLANDS, MEGA AGRO, UM -28 SEJARAH THE CAMERON HIGHLANDS, MEGA AGRO, UM -29	MARDI
14.	REFORMASI PELADANG 2019 MERIAH, NASIONAL, SH -11	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	PERUNTUKAN RM100,000 BAK PULIH JETI PENDARATAN IKAN PARI, NEWS, MALAYSIA MSN -6 RM100,000 BAIK PULIH JETI PENDARATAN IKAN PARI PNK MARUDU PITAS, NEWS, SABAH NEWS TODAY -9 SEDIA TELITI CADANGAN BANTUAN GERAN, PINJAMAN KEPADA AHLI PPK, NEWS, SABAH NEWS TODAY -9 TIADA TEMPAT UNTUK PEMBULI HAIWAN, KOMENTAR, BH -11 RAYU KM CAMPUR TANGAN, NASIONAL, BH -62 PERNAH RUGI RM100,000, SETEMPAT, HM -27 BUYING MUSANG KING IN THE DAY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 MINISTRY TO MONITOR ALL PPK ACTIVITIES TO AVOID MISAPPROPIATION, HOME BUSSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY -11 CHINA AMBASSADOR TO M'SIA PICKS UP WHOLE DURIAN IN BEIJING SUPERMARKET AFTER, NEWS, MALAYSIA MSN -6	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Salahuddin : Ministry ensure no abuse on any public fund allocation		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A6	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,675



农长：监督农民组织 确保惠民免挪用公款

（亚庇 14 日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，该部门会监督全国区域农民组织（PPK），避免任何挪用公款情况。

他说，良好监督能确保所有区域农民组织妥善管理，推行活动惠及人民。

“无关这些农民组织领袖的身份背景，我希望他们为人民服务，因为成立区域农民组织旨在为人民提供保护伞。”

沙拉胡丁周日视察甘榜森迪布达丹的非洲鲶鱼、淡水龙虾及珍珠龙胆石斑鱼养殖计划后，对记者这么说。

他也见证布达丹农民组织、PCB 生物科技私人有限公司和 EZ 批发公司签署合作谅解备忘录。

他指出，全国有 279 个区域农民组织，成员达 96 万人。他们各自召开常年大会，半数已完成常年大会。

“无论改选中谁受委，我会确保他们都



沙拉胡丁在视察养殖计划时，喂养鱼儿。

是专业人士，以及有志管理农民组织，造福农民者。”

谈到该养殖计划，沙拉胡丁指出，这类养殖计划对本地经济拥有巨大发展潜力。

“我鼓励这些行业的发展，因为能为本地青年提供就业机会，为本州和我国经济增长提升出口价值。” #

Headline	Kementerian tegas larang pengeboman ikan		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	1
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 350
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,050

Kementerian tegas larang pengeboman ikan

PUTATAN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melarang sebarang kegiatan pengeboman ikan dilakukan di perairan negara ini. Menteriya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pendirian tegas itu jelas bagi menjaga khazanah laut negara. Justeru, beliau berk...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



Salahuddin diiringi Pengerusi PCB Biotech Sdn Bhd, Datuk Arsit Sedi (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Projek Ternakan Ikan Laut dan Udang Kara PCB Biotech Sdn Bhd dengan kerjasama PPK Putatan, semalam.

[Foto Ihsan PPK Putatan]

Kementerian tegas tak benar aktiviti bom ikan

Putatan: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil pendirian tegas tidak membenarkan aktiviti pengeboman ikan sama ada dilakukan pendarang tanpa izin atau warga tempatan di perairan negara.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pendirian itu jelas demi memelihara khazanah laut serta usaha menangani kaedah menangkap ikan yang diharamkan itu.

"Isu pengeboman ikan ini kita serahkan kepada pasukan keselamatan. Kita tidak izin pengeboman ikan sama ada oleh pendarang tanpa izin atau mereka yang tidak bertanggungjawab," katanya selepas melancarkan Projek Ternakan Ikan Laut dan Udang Kara PCB Biotech Sdn Bhd dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Putatan, di

sini, semalam.

Awal bulan ini, tiga penyelam, termasuk dua warga China maut dipercayai akibat letupan bom ikan ketika menyelam di perairan berhampiran Pulau Kulapuan, Semporna.

Sementara itu, di Kota Marudu, Salahuddin berkata, kementerian itu memperuntukkan RM100,000 bagi membaik pulih jeti pendaratan ikan pari di Kampung Tambun, di sini.

Beliau membuat pengumuman itu selepas melawat jeti berkenaan petang kelmarin serta lawatan ke tapak projek penangkapan ikan pari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Marudu Pitas.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan bantuan dana nelayan RM25,000 kepada lima peserta perintis program berkenaan.

**"Jika bancuhan racun kurang d
sepatutnya, ia berkemungki
berkesan menghalau mak**

Pastikan lesen sah

■ **Pemilik kediaman, premis perlu pastikan pengendali kawalan makhluk perosak berdaftar sah elak mudarat**

Kuala Lumpur

Kawalan serangga perosak adalah penting untuk keselesaan dan kesihatan pemilik kediaman atau premis perniagaan.

Namun, sebelum mendapatkan perkhidmatan syarikat yang menjalankan servis kawalan makhluk perosak, pengguna perlu memastikan

syarikat itu bukan saja berdaftar, malah pekerjaannya seharusnya mempunyai lesen pengendali kawalan makhluk perosak yang sah dari Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) di bawah Jabatan Pertanian (DOA).

Keperluan mengikut kaedah di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, mewajibkan setiap pengusaha yang menyediakan perkhidmatan ini mempunyai lesen.

Ketua Pegawai Eksekutif Pest Re-

act Sdn Bhd, Kelvin Low berkata, lambakan pengendali kawalan racun perosak yang tidak berlesen adalah tidak beretika.

"Pentingnya untuk mendapatkan lesen kerana pengendali kawalan makhluk perosak perlu benar-benar memahami setiap racun yang digunakan untuk setiap masalah.

"Jika bancuhan racun kurang daripada yang sepatutnya, ia berkemungkinan besar tidak berkesan menghalau makhluk perosak dan jika berlebi-

han, ia boleh memudaratkan penghuni atau pelanggan.

"Pelanggan juga sepatutnya ada hak mengetahui jenis racun yang digunakan dan adakah ia juga berdaftar dengan LRMP," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Berbeza dengan perkhidmatan yang ditawarkan pihak lain, syarikat yang diasaskannya, Pest React menawarkan servis kawalan makhluk perosak berkualiti tinggi sesuai dengan pengalaman selama 13 tahun.

"Di Pest React, kami menawarkan sesi rundingan secara percuma dengan pelanggan terlebih dahulu diberi penerangan terperinci pemilihan penggunaan racun makhluk perosak dan kesannya.

"Pakar dari Pest React datang ke premis dengan van khas yang dilengkapi semua kemudahan servis kawalan makhluk perosak yang mana ia dapat menjimatkan masa menjalankan tugas dengan segera dan berkesan.

"Kami juga memberi waranti selepas servis dengan jaminan 100 peratus wang akan dikembalikan jika masalah anai-anai tidak selesai," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan ini, layari www.pestreact.com.

FAKTA

Pest React tawar sesi rundingan secara percuma dengan pelanggan



LOW menawarkan perkhidmatan kawalan serangga perosak berlesen.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Bot tempatan bersama nelayan asing ditahan

KEMAMAN 14 Julai - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terus memperketatkan kawalan di perairan negara dan semalam sebuah bot tempatan bersama empat nelayan asing ditahan di perairan berhampiran Kuala Dungun kerana memasuki negara ini tanpa permit yang sah.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot itu ditahan pada kedudukan 24 batu nautika dari Kuala Dungun pukul 10.24 pagi semalam.

Beliau memberitahu, empat nelayan itu terdiri daripada tiga lelaki warga Myanmar termasuk seorang tekong berumur 33 hingga 40 tahun dan seorang lagi warganegara Thailand berusia 33 tahun.

Katanya, siasatan mendapati pemilik bot itu dipercayai melakukan kesalahan termasuk menggaji pekerja asing tanpa permit yang sah selain menggunakan saiz mata pukat kurang daripada 38 milimeter.

"Hasil pemeriksaan, kita dapati bot terbabit tidak mempunyai alat pengesan vesel penangkapan ikan iaitu *Mobile Transceiver (MTU) Unit*. Jabatan Perikanan Malaysia serta menggunakan peralatan radio dua hala tanpa sijil kelulusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)," katanya di sini hari ini.

Menurut Rashidilhadi, pihaknya turut merampas 3,000 kilogram ikan campur berserta diesel yang dianggarkan 2,000 liter dan peralatan menangkap ikan yang kesemuanya bernilai kira-kira RM600,000.

Beliau memberitahu, bot dan hasil rampasan bersama awak-awak termasuk tekong dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Masalah pencerobohan nelayan Vietnam

ISU pencerobohan bot nelayan asing terutamanya dari Vietnam dilaporkan berlaku hampir setiap hari di media massa. Kebanyakan kes dikesan di Pantai Timur khususnya di Terengganu. Bot nelayan asing itu sengaja memasuki perairan Malaysia mencuri hasil laut untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Perairan Pantai Timur Malaysia di Laut China Selatan meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang iaitu sekitar 121,398 kilometer persegi dengan jarak pantai 574 kilometer bermula dari Pantai Tok Bali di Kelantan sehingga ke Endau, Rompin di Pahang.

Berdasarkan statistik Maritim Malaysia, lebih 533 bot nelayan Vietnam mencero boh perairan negara ini dan 32 daripadanya dikenakan tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM32 juta.

Ini bukanlah isu baru buat Malaysia tetapi menjadi semakin serius sejak kebelakangan ini. Perikanan nasi nelayan tempatan terjejas. Hasil jualan nelayan berkurangan, malah menyebabkan taraf ekonomi mereka semakin merosot.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendedahkan pencerobohan nelayan asing dari negara jiran terutamanya dari Vietnam menyebabkan negara rugi RM6 bilion (AS\$1.45 bilion).

Bagi menangani masalah itu, kerajaan menubuhkan sebuah pasukan petugas khas diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan turut disertai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar serta tujuh agensi penguatkuasaan.

Walaupun Vietnam sudah mendapat amaran daripada Kesatuan Eropah (EU) berhubung isu berkenaan sejak September 2017 namun nelayan negara itu tetap berdegil dan terus mencero boh perairan Malaysia.

Nelayan asing yang ditahan didakwa di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1 juta bagi pemilik dan tekong bot manakala denda RM100,000 bagi awak-awak atau penjara tidak melebihi dua tahun jika disabitkan kesalahan.

Tindakan dan hukuman yang dikenakan terhadap mereka terlibat mungkin tidak terlalu berat. Justeru, cadangan kerajaan untuk merombak serta memperbaiki akta sedia ada berkenaan perikanan bagi memperkenalkan undang-undang yang lebih berat amatlah dialu-alukan.

Langkah ini perlu bagi melindungi hasil laut, ekonomi nelayan tempatan dan juga kedaulatan negara.



PENDAPATAN sektor perikanan mencecah RM8 bilion setahun.

KOMPLIT KLON BOT

Musibah pukak tunda ganding

■ Tindakan nelayan Vietnam musnah kawasan satu kilometer

Skuad Khas Harian Metro
am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak mustahil Malaysia akan mengimport semula ikan dan hasil laut 'dirorap' nelayan Vietnam dari perairan negara bagi menampung permintaan pasaran tempatan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Dr Mazlan Abd Ghaffar berkata, nelayan asing itu rakus mengaut hasil laut di perairan negara menggunakan teknik tidak dibenarkan pihak berkuasa. Menurutnya, aktiviti menangkap ikan menggunakan

kaedah pukak tunda ganding kebiasaannya membabitkan radius satu kilometer turur memerangkap hasil laut belum matang.

"Jika masalah ini tidak ditangani secepat mungkin, Malaysia akan bergantung kepada ikan import yang mungkin sebenarnya ditangkap di perairan kita (Malaysia) oleh nelayan asing.

"Keadaan itu menyebabkan negara kehilangan hasil dalam jumlah besar dan mengeluarkan perbelanjaan tinggi untuk mengimport bekalan ikan dari luar negara," katanya.

Mazlan berkata, ikan bernilai tinggi yang banyak di perairan negara mendorong nelayan asing melakukan pencerobohan.

Katanya, bagi menjimatkan masa dan mengaut hasil tangkapan dalam jumlah banyak nelayan asing menggunakan kaedah pukak tunda ganding.

"Ekosistem marin perlu dipelihara dan jabatan Perikanan mengenakan syarat ketat dalam hal penggunaan pukak bagi memastikan hasil laut sudah matang saja ditangkap.

Sementara itu, Ketua Program Tadbir Urus Lautan, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT, Prof Dr Wan Izatul Asma Wan Talat berkata, pendapatan sektor perikanan mencecah RM8 bilion setahun bakal terjejas sekiranya masalah ini tidak diatasi sebaik mungkin. Menurutnya, pihak ber-

kuasa berkaitan perlu memainkan peranan selaras dengan dasar ditetapkan kerajaan menerusi Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai penangkapan ikan secara haram, tidak dilapor dan tidak dikawal (IUU).

"Bagi Asean ada beberapa usaha dan mekanisme serantau untuk menangani masalah ini sudah dibincangkan menerusi Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC).

"Jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor perikanan ini perlu diperkasakan mekanisme pemantauan, pengawalan dan pengawasan termasuk menambah aset seperti kapal ronda dan anggota penguat kuasa," katanya.

Import ikan 2 juta tan metrik setahun

Kuala Lumpur: Malaysia terpaksa mengimport ikan dengan jumlah besar bagi memenuhi keperluan ikan domestik sebanyak kira-kira dua juta tan metrik setahun.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Jamaludin Othman berkata, rakyat Malaysia dianggarkan mengambil 62 kilogram ikan setahun.

"Kajian menunjukkan anggaran penggunaan ikan



JAMALUDDIN

marin perkapita bagi 32 juta rakyat Malaysia ialah sebanyak 61.8 kilogram setiap orang setahun.

"Jadi, dianggarkan keperluan ikan marin di Malaysia ialah 1.98 juta tan metrik setahun," katanya. Beliau berkata, berdasarkan data pendaratan ikan 2017, jumlah ikan marin yang didaratkan adalah 1.5 juta tan metrik.

"Pengeluaran ikan akuakultur matri berjuta-juta

0.324 juta tan metrik. Pada tahun 2017, negara kita mengimport hampir 1.25 juta tan metrik dan mengeksport 0.5 juta tan metrik ikan ke negara lain.

"Jumlah import ikan tahun lalu mencatatkan jumlah hampir sama iaitu 1.3 juta tan metrik," katanya.

Katanya, dapatan itu jelas menunjukkan bekalan ikan tempatan tidak mampu menampung keperluan domestik.

15-07-2019

setempat 3

Ekosistem marin berdepan kepupusan

Kuala Lumpur: Vesel pukak runda dan vesel pukak tunda ganding yang digunakan nelayan Vietnam secara haram di negara ini mengancam ekosistem marin dan kehidupan laut di perairan Malaysia yang berdepan risiko kepupusan.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, aktiviti penundaan pukak tunda dasar oleh nelayan asing menyebabkan kemusnahan dasar dan ekosistem laut.

"Apabila mereka kaut, rantal pukak tunda tenggelam pada bahagian dasar kemudian menarik semua hidupan termasuk tumbuhan dan makanan hidup kepada ikan.

"Pukak digunakan mereka menarik habis semua dasar lautan sebab itu kita boleh lihat ekosistem marin termasuk batu karang semua musnah.

"Kena ingat batu karang berkait rapat dengan habitat ikan sebab kawasan itu tempat ikan ini membiak, jika ia musnah maka habitat ikan pun terjejas," katanya.

Beliau berkata, kajian dilakukan bersama Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) terhadap stok ikan pada 2015 masih stabil.

"Kajian itu fokus kepada tiga spesies ikan iaitu selar, cencaru dan kembung bagi melihat stok ikan di Serembanjung.

"Semasa kajian itu, saya melihat stok ikan besar lagi.

Apabila mereka kaut, rantal pukak tunda tenggelam pada bahagian dasar kemudian menarik semua hidupan termasuk tumbuhan dan makanan hidup kepada ikan"

Dr Mohd Fazrul Hisam

tetapi sekarang dari tahun ke tahun melihai kepada saiz ikan yang berada di pasaran sekarang semakin mengecil kemungkinan berlaku tekanan kepada stok ikan.

"Bahasa mudahnya jika dulu, kita pergi pasar sekilo boleh dapat ikan selar contohnya empat ekor tetapi sekarang agak sukar mungkin dalam lapan hingga 12 ekor baru boleh dapat sekilo," katanya.

Katanya, nelayan asing dikesan menceroboh perairan negara ketika musim tengkujuh dengan tumpuan mereka di zon B dan C.

"Kebanyakan mereka datang pada musim tengkujuh kerana ketika itu nelayan kita tidak keluar. "Maklumat saya peroleh dari nelayan tempatan juga mendakwa zon B dan C banyak diceroboh nelayan asing kerana mempunyai ikan matang," katanya.

Mohd Fazrul berkata, Malaysia antara negara terbaik dalam pengawalan laut, namun memertukan kerjasama semua pihak untuk menangani isu pencerobohan.

KOTA BHARU

Bekerjasama tangani isu pencerobohan nelayan Vietnam

Kerajaan negeri Kelantan akan bersama-sama nelayan dan pihak penguat kuasa untuk menangani isu pencerobohan nelayan asing termasuk Vietnam di perairan negara ini.

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob berkata, beliau ada berjumpa dengan nelayan di sekitar Tumpat, Kota Bharu dan Tok Bali, Pasir Putih dua hari lalu dan mereka melahirkan rasa kesal dengan penguasaan nelayan warga asing di negeri ini.

Katanya, nelayan memberitahu pendapatan

dan hasil tangkapan mereka kurang kerana perairan negara diceroboh nelayan asing.

"Nelayan asing ini menangkap ikan dan hidupan laut yang lain dengan menggunakan cara salah iaitu guna pukak tunda ganding yang merosakkan habitat laut.

"Untuk mengkekang masalah itu, kita sebagai kerajaan akan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa untuk membantulas nelayan warga asing ini," katanya, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI UTARA	38

Durian D24 dijual RM16 sekilogram

SUNGAI PETANI-Durian jenis D24 antara yang menjadi tumpuan sempena Hari Bertemu Pelanggan 2019 di Pusat Operasi Buah-buahan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam.

Exco Pertanian, Azman Nasrudin berkata, durian jenis itu yang dijual pada harga RM25 sekilogram sejak ke-lmarin ditawarkan harga RM18 sekilogram pagi semalam.

Bagaimanapun katanya, harga diturunkan lebih rendah kepada RM16 sekilogram selepas majlis perasmian.

Menurutnya, FAMA menyediakan kira-kira 20 tan pelbagai jenis buah-

buahan segar yang dijual dengan harga lebih rendah daripada pasaran.

“Kita juga menyediakan khidmat nasihat sempena Hari Bertemu Pelanggan selain disertai pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,” katanya kepada media semalam.

Lebih 30 usahawan menyertai jualan buah-buahan, produk berasaskan pertanian, anak pokok serta pelbagai jualan lain dengan kehadiran mencecah 5,000 pengunjung.

Hari Bertemu Pelanggan di Pusat Operasi Buah-buahan FAMA diadakan selama dua hari dan berakhir semalam.



Azman (empat dari kanan) menerima cenderahati daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia sempena Hari Bertemu Pelanggan 2019 di Pusat Operasi Fama Sungai Petani.

PENGGEMAR teh pastinya teruja apabila berbicara mengenai tanaman tersebut meskipun pengetahuan mengenainya agak kurang.

Sebahagian kecil penggemar mungkin hanya tahu mengenai teh diperbuat daripada daunnya yang dipetik, dikeringkan dan dikisar sebelum diletak dalam uncang dan diminum selepas drendamkan dalam air panas. Tidak lebih daripada itu.

Sebenarnya kerja-kerja menghasilkan teh perlu melalui beberapa proses bermula daripada daun dipetik dari ladang.

Daun teh yang dituai bagi tujuan pemrosesan adalah pada bahagian pucuk (*leaves and leaf-buds*), iaitu dua helai daun dari pucuk.

Terdapat beberapa jenis teh yang dihasilkan daripada tumbuhan yang sama iaitu *Camellia sinensis*.

Teh tersebut adalah seperti *black tea*, *white tea*, *green tea*, *yellow tea*, *oolong tea* dan *pu-erh tea*.

Berdasarkan sejarah, teh mula dikenali di (Yunan) Cina, ribuan tahun yang lalu.

Dicatatkan penggunaan teh sebagai minuman seawal kurun ke-3 di negara tersebut. Teh diperkenalkan ke Portugal dan Lebanon pada kurun ke-16.

Di Malaysia, ladang teh boleh ditemukan di Cameron Highlands, Pahang dan kawasan penanaman terawal ialah di Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands (TATMCH).

Teh yang dihasilkan adalah serbuk teh hitam atau *black tea dust*.

Menurut pengurus ladang teh taman agroteknologi tersebut, Yazed Mahiyuddin pada masa ini dua jenis teh yang dikomersialkan iaitu teh Cina (*Camellia sinensis var sinensis* dan teh India (*Camellia sinensis var. assamica*). Teh India mempunyai saiz daun yang lebih besar berbanding teh Cina.

"Teh yang diproses untuk minuman mengandungi bahan-bahan yang berkhasiat

YAZED MAHIYUDDIN memunculkan teh bekuan TATMCH yang ditanamkan semula.



Aroma teh MARDI Cameron Highlands

untuk manusia. Selain vitamin dan mineral, daun teh mengandungi bahan-bahan antioksidan yang sangat baik untuk kesihatan.

"Ekstrak daripada daun teh contohnya mengandungi *catechin*, khususnya *Epigallocatechin gallate* (EGCG) iaitu sebatian unik dalam tumbuhan yang mempunyai nilai-nilai perubatan (*pharmacological*)," ujarnya.

Beliau berkata, di Cameron Highlands tanaman teh sangat penting sebagai aset agropelancongan tanah tinggi kerana ia menjadi tarikan utama pengunjung selain tanaman strawberi, sayur dan bunga-bunga.

Menurut beliau, teh Cameron Highlands terkenal sebagai minuman warisan yang biasa dinikmati bersama skon iaitu makanan seperti roti yang dimakan pada waktu petang oleh orang British pada waktu dahulu. Ia dikenali sebagai

afternoon tea atau *hi-tea*.

Bagi pengunjung dari luar negara, mereka kerap disajikan dengan set makanan yang mengandungi skon, teh Cameron Highlands, strawberi dan coklat. Selain terdapat kepelbagaian dalam produk hilitan teh serta pembungkusannya, pengunjung juga pastinya tertarik melihat panorama indah landskap teh di lereng bukit.

Mengenai aspek penanaman Yazed berkata, teh dibiakkan melalui penyemaian biji benih atau keratan batang.


Penggunaan biji benih teh mengambil masa sehingga dua tahun sebelum boleh ditanam di kawasan lapangan.

Beliau berkata, teh tumbuh subur di kawasan tanah berasid. Pembajaan seimbang yang mengandungi unsur nitrogen (N), fosforus (P) dan kalium (K) perlu dilakukan seperti tumbuhan yang lain.

Penyemburan racun kulat bagi mengawal penyakit kulat *brown blight*, *grey blight* (yang disebabkan oleh *Colletrotichum sp.* dan *Pestalotopsis sp.*) dan *blister blight* yang disebabkan oleh *exobasidium vexans* perlu dilakukan bagi mengawal penyakit-penyakit tersebut.

Penyakit kulat pada bahagian-bahagian lain pokok seperti batang juga perlu kepada penyemburan *fungicide*.

Baja foliar yang tinggi kandungan N pula perlu disebarkan bagi memastikan daun yang subur dapat dihasilkan.



SALAH sebuah mesin yang terdapat dalam kilang teh MARDI di Cameron Highlands, Pahang.

Kerja-kerja memangkas perlu dilakukan dua tahun sekali (setinggi paras pinggang) bagi memastikan pokoknya tidak tinggi dan daunnya mudah dituai.

Pemprosesan
Daun teh yang sesuai diproses biasanya mengeluarkan pucuk setinggi antara 10 hingga 15 sentimeter.

Penggunaan mesin pemotong yang dikendalikan oleh tiga orang boleh menuai daun dengan lebih cepat berbanding penuaian secara manual seperti penggunaan gunting atau *shear*.

Teh yang dituai diletakkan di atas para dan penggunaan angin daripada kipas akan melayukan daun di kilang yang mengambil masa antara sembilan hingga 18 jam. Proses

ini dinamakan pelayuan atau *withering*.

Teh kemudian dijatuhkan melalui sebuah lubang ke kawasan bawah iaitu mesin penggelek atau *roller* bersaiz 36 inci diameter.

Daun-daun teh ini kemudian dimasukkan ke dalam penggelek oleh pekerja yang boleh memuatkan 200 hingga 250 kilogram daun. Proses menggiling daun ini mengambil masa kira-kira 45 minit.

Daun yang separa hancur dipindahkan ke mesin kedua iaitu *rotorvane* secara manual. Mesin *rotorvane* berfungsi menghancurkan daun kepada saiz yang lebih kecil lagi.

Daun yang hancur kemudian akan pergi ke mesin ketiga secara automatik bagi memisahkannya dengan yang



Teh biasanya ditudangkan bersama roti sebagai minuman petang.

kasar menggunakan pengayak.

Beberapa tray atau dulang logam diletakkan di bawah pengayak tersebut supaya teh yang halus akan diperoleh.

Bekas dulang tersebut kemudian disusun di atas satu struktur bagi proses fermentasi antara dua hingga lapan jam pada suhu bilik.

Serbuk teh yang telah melalui proses fermentasi dipindahkan ke dalam ketuhar bagi tujuan pengeringan.

Serbuk teh dikeringkan dengan suhu sehingga 90 darjah Celsius selama 90 minit. Teh kemudian digredkan dengan mesin pengredan yang menggunakan *static electricity* bagi mengasingkan teh yang halus dan kasar.

Beberapa jenis teh seperti *dust* atau *super fine*, *BOPF* (*Broken orange pekoe fannings*) dan *BOP* (*Broken orange pekoe*) serta fiber akan terhasil.

Dust dan *BOPF* biasanya dicampurkan supaya adunan masing-masing mengandungi 25 peratus dan 75 peratus kedua-duanya menjadi teh premium yang dimuatkan dalam uncang seberat tiga gram.

Mesin khas digunakan untuk memasukkan teh dalam uncang dengan kadar yang cepat. Uncang teh kemudian dimasukkan ke dalam plastik khas untuk lima uncang setiap satu.

Lima plastik berisi lima uncang. Setiap satu dimasukkan ke dalam kotak berbentuk piramid atau setiap kotak mengandungi 25 uncang.

Teh *Nutrimea* by MARDI dijual di pusat jualan MARDI Cameron Highlands dengan harga RM6.50 sekotak.

Sejarah teh Cameron Highlands

SEJARAH teh di Cameron Highlands dikaitkan dengan kisah pendudukan dan penempatan British di pusat peranginan tersebut.

Cameron Highlands ditemukan oleh William Cameron pada 1885.

Namun, pembangunan Cameron Highlands bermula pada 1925 apabila British mula membangunkan *Federal Experimental Station* atau Stesen Penyelidikan Persekutuan di Tanah Rata iaitu lokasi penyelidikan teh dijalankan.

Kawasan tersebut diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pertanian dan ditadbir oleh Jabatan Pertanian apabila negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

Yazed Mahiyuddin berkata, pada 1971 MARDI mengambil alih kawasan tersebut bagi memulakan program penyelidikan pertanian tanah tinggi.

Menurut beliau, apabila British membangunkan kawasan tersebut, seorang pegawai British bernama John Archibald Russel telah pergi ke India dan Sri Lanka serta membawa balik 200 biji benih teh terutama dari beberapa kawasan di Assam, India.

Katanya lagi, teh yang dimaksudkan adalah

Jenis Teh (Kawasan)	Tarikh masa tanam	Keluasan (ekar)
Betjan	3.10.1927	1.54
Charali	5.9.1927	0.88
Dangri	5.10.1928	0.99
Rajghur	13.1.1928	0.93
Dhonian	12.11.1928	0.94



KIOS di TATMCH menyediakan akon untuk dinikmati bersama teh.

Camellia sinensis var *assamica*. Antara teh-teh tersebut adalah seperti *Betjan*, *Charali*, *Dangri*, *Dhonian* dan *Rajghur* yang namanya diambil dari kawasan ia diperoleh atau ditanam di Assam.

"Walaupun terdapat maklumat mengatakan pokok teh sudah ada ditanam di kawasan tersebut pada 1925, namun antara teh yang terawal ditanam mengikut rekod adalah Charali dan Betjan iaitu pada 1927," ujarnya.


Terdapat kira-kira 60 ekar (15 hektar) kawasan yang ditanam dengan teh pada masa dahulu berbanding hanya lima ekar (1.25 hektar) yang masih mengeluarkan hasil pada waktu ini.

Kilang teh pertama dibina pada 1935 oleh Kerajaan British.

Sejak itu kilang teh mengeluarkan serbuk teh hitam atau *black tea dust*.

Pada masa ini serbuk teh hitam dihasilkan dalam bentuk uncang dan dibungkus dalam kotak berbentuk piramid (penjenamaan semula produk *Nutrimea*) bagi jualan di pusat jualan TATMCH dengan jenama *Nutrimea* by MARDI.

INFO



● Teh adalah sejenis tumbuhan renek malar hijau atau *evergreen shrub* yang daunnya digunakan untuk membuat minuman.

● Berasal dari kawasan benua India, China dan beberapa kawasan lain di Jawa.

Nama saintifik *Camellia sinensis*

● Tergolong dalam keluarga Theaceae.

● Mempunyai batang dan dahan yang banyak serta berdaun rimbun.

● Boleh mencapai ketinggian hingga 15 meter.

● Mengeluarkan bunga berbentuk sama ada tunggal (*solitary*) atau dalam bentuk *cluster*.

● Kelopaknya berukuran empat sentimeter diameter berwarna putih-kuning serta stamen yang padat berwarna kuning.

● Daunnya berbentuk tombak (*lance-shaped*) atau *lanceolate* sehingga *elliptic* dan mempunyai tepi daun bergerigi.

● Daun berilini, berwarna hijau pertengahan hingga ke hijau pekat serta bersusun di atas batang secara berselang seli atau *alternate*.



Reformasi Peladang 2019 meriah

Program di Perlis dan Kelantan dapat sambutan hangat

ROSHILA MURNI ROSLI

KANGAR

Program Reformasi Peladang Perlis 2019 yang dianjurkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di Pertubuhan Peladang Kawasan Mata Ayer di sini mendapat sambutan hangat kira-kira 1,000 ahli peladang dan penduduk setempat daripada pelbagai lapisan umur.

Program yang berlangsung selama dua hari dan berakhir semalam itu menyediakan beberapa segmen dengan aktiviti menarik, santai serta ilmiah untuk manfaat para tetamu.

Majlis perasmian program yang berlangsung semalam di sempurnakan secara bersama oleh Ahli Jemaah Pengarah Nafas yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Perlis, Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar dan Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Wan Kharizal Wan Khazim.

Tengku Aziz berkata, penganturan program itu melibatkan beberapa aktiviti menarik antaranya Cerna Minda Tani, Kursus Agropreneur Muda, Jualan Untuk Kita yang menyediakan jualan ayam dengan harga promosi, Ziarah Peladang, aktiviti sukan dan santai-Nostalgia Desa.

Segmen untuk kanak-kanak, Agrokids serta pameran daripada jabatan dan agensi serta syarikat swasta turut disediakan.

Katanya, kursus dan seminar



Wan Kharizal menyampaikan sijil Kursus Cerna Minda Tani kepada Haslima Romli yang mengikuti seminar pada Program Reformasi Peladang Perlis 2019 semalam sambil dipertontonkan oleh Tengku Aziz (tiga dari kiri).

yang diadakan dapat memberi pendedahan dan latihan secara teori dan praktikal kepada ahli-ahli peladang dan juga penduduk setempat yang berminat untuk meneroka industri pertanian.

"Untuk makluman, program ini dilaksanakan di 29 lokasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak sepanjang tahun ini.

"Tujuannya untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara Nafas, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta bersama lebih 900,000 ahli peladang seluruh negara.

"Pelaksanaan program ini menunjukkan komitmen Nafas dalam mencapai misi membina pergerakan pertubuhan peladang yang berdaya maju serta efektif dalam membentuk masyarakat tani yang unggul," katanya.

Sasar 1 juta keahlian

Di Kota Bharu kelmarin, Program Reformasi Peladang Peng-

kalan Chepa yang diadakan di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, turut menerima kehadiran lebih 1,000 ahli.

Program yang berlangsung selama dua hari itu disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Husam Musa yang turut menanam pokok buah bidara sebagai simbolik kepada pertanian ke arah kemajuan.

Menurut Husam, pembabitian Nafas akan membantu peladang memasuki era baharu dalam pengeluaran dan pemasaran produk bermutu tinggi.

Katanya, ia selaras dengan dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu keselamatan makanan negara, pemba-



MOHD HISYAMUDDIN

ngunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa.

"Bagi memastikan pembangunan agromakanan negara terus kompetitif, perhatian perlu diberikan kepada usaha meningkatkan daya saing memabitkan go-

longan sasar.

"Ia menerusi Reformasi Pertanian iaitu penggunaan teknologi moden serta mekanikal bagi memperkasakan sektor pertanian," katanya.

Sementara itu, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Mohd Hisyamuddin Ghazali berkata, pihaknya menyasarkan sejuta keahlian dalam kalangan belia menjelang pertengahan tahun hadapan.

Menurutnya, buat masa ini keahlian sudah mencapai 900,000 termasuk 80,000 daripadanya merupakan ahli di Kelantan.

Katanya, Nafas optimis untuk mencapai hasrat itu antaranya dengan mengadakan Program Reformasi Peladang di 29 lokasi di seluruh negara.

"Pelbagai aktiviti dijalankan bagi menarik penyertaan ahli baharu terutama dalam kalangan anak muda dan wanita untuk menjadi ahli antaranya Kursus Agropreneur Muda, Jualan Untuk Kita dan Ziarah Peladang.

"Kita turut mempromosikan anak-anak syarikat Nafas termasuk menyetengahkan Dana Peladang Kebangsaan yang diperuntukkan untuk ahli peladang membuat pinjaman," katanya.

REAKSI



Program ini merapatkan hubungan akar umbi dengan pimpinan atasan. Setidak-tidaknya ahli juga berpeluang dapat maklumat terkini dengan lebih jelas berkaitan peladang selain meneroka peluang baharu dalam industri pertanian bagi mereka yang berminat."



- Hassan Osman, 74 (Perlis)



Pelbagai seminar yang diadakan dalam program ini membuka minda peladang di kawasan untuk berusaha memajukan diri mereka sendiri. Bagi saya peluang keemasan ini perlu dimanfaatkan oleh semua peladang di seluruh negara."



- Siti Mastura Sulaiman, 54 (Perlis)



Saya menjadi OKU selepas menghidap kanser tulang tahap tiga, namun saya tetap berusaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan berusaha untuk menjadi ahli peladang yang berjaya. Saya mahu menjadi contoh kepada semua bella, mereka juga mampu menjana hasil lumayan."



- Mohd Asmawi Ab Shukur, 37 (Kota Bharu)



Saya akan ketengahkan inovasi terbaharu iaitu maruku durian di Pertandingan Peladang dan Penternakan Kelantan bagi kategori Produk Inovasi, 31 Julai ini. Saya yakin ia akan menjadi produk terbaharu untuk pasaran seluruh negara termasuk di pasaran raya terkemuka di Malaysia."



- Ony Sofia Azz, 50 (Kota Bharu)



Husam (empat dari kiri) dan Mohd Hisyamuddin (lima dari kiri) bersama sebahagian peserta yang menghadiri Program Reformasi Peladang Pengkalan Chepa di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu kelmarin.

Headline	Peruntukan RM100,000 baik pulih jeti pendaratan ikan pari		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	1
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 350
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,050

Peruntukan RM100,000 baik pulih jeti pendaratan ikan pari

KOTA MARUDU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi membaik pulih jeti pendaratan ikan pari di Kampung Tambun, di sini, semalam. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, membuat...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	RM100,000 baik pulih jeti pendaratan ikan pari PNK Marudu Pitas		
MediaTitle	Sabah News Today (www.sabahnewstoday.com)		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	9	Readership	2
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

RM100,000 baik pulih jeti pendaratan ikan pari PNK Marudu Pitas

KOTA MARUDU, 14 Julai (Bernama) — Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan peruntukan RM100,000 untuk membaik pulih jeti pendaratan ikan pari bagi kemudahan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Marudu Pitas di Kampung Tambun, dekat sini.
Pengu...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Sedia teliti cadangan bantuan geran, pinjaman kepada ahli PPK		
MediaTitle	Sabah News Today (www.sabahnewstoday.com)		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	9	Readership	2
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Sedia teliti cadangan bantuan geran, pinjaman kepada ahli PPK

Oleh Sitti Nor Azizah Talata

PUTATAN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneliti apa juga cadangan untuk membantu meningkatkan hasil pertanian negara termasuk pemberian bantuan dalam bentuk geran bagi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

15/7/2019

BERITA KOMENTAR

11

HARIAN

Tiada tempat untuk pembuli haiwan



Abdul Raafiq
raafiq@fb.com.my

Siapa tidak tersentuh atau merisakan air mata melihat haiwan dipukul atau peruk. Di mana si pelaku itu, tidak sedikit pun kesakitan ditanggung haiwan itu menggaris nalluri kemunusiaan.

Besar sangatkah dosa kucing melarikan ikan di dapur rumah, sehingga dihukum potong kaki. Itu hanya sebahagian, malah ada yang sanggup meracun sehingga mati, menendang atau memukul penuh kejam haiwan seperti kucing atau anjing hanya kerana kesalahan kecil dilakukan.

Memang wajar perbuatan mendera, menganiaya, menzalimi dan membuli haiwan tanpa sebab yang sah dihakrif sebagai jenayah kemanusiaan. Dengan kes-kes seperti ini yang semakin menjadi-jadi, tidak hairanlah timbul desakan agar pelaku jenayah ini dikenakan hukuman lebih berat setimpal dosa dilakukannya.

Bagi kumpulan pencinta haiwan, selayaknya 'penjenayah' ini didakwa mengikut Seksyen 30 Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang menganalkan hukuman tiga bersekutu atau berbanding Seksyen 423 Kanun Keseksian.

Seksyen 30 Akta Kebajikan Haiwan 2015 menetapkan individu yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman tiga tahun penjara, denda antara RM20,000 dan RM100,000 atau kedua-duanya sekali. Seksyen 423 Kanun Keseksian pula menetapkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya, dengan jumlah denda mengikut budi bicara hakim.

Saya percaya tiada lagi alasan



Tanggungjawab memelihara haiwan adalah besar, termasuk memastikan makam dan minum dijaga rapi serta mengambil berat soal kesihatan. (Foto hiasan)

untuk pihak berkuasa tidak mengguna pakai peruntukan dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015 ini, jika serius mahu menjaga kebajikan haiwan di negara ini.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 dikuatkuasakan pada Julai 2017, sebagai manifestasi kerajaan yang sensitif kepada kes kezaliman haiwan. Ia memperakukan bahawa haiwan peliharaan dan ternakan juga mempunyai hak di dunia ini termasuk bebas daripada dianiaya termasuk 'lapar dan dahaga'. Justeru, penting untuk rakyat peka dengan kewujudan akta berkenaan.

Pihak berkaitan yang menjaga kebajikan haiwan juga boleh terus melakukan siasatan jika menerima aduan. Seksyen 40 akta sama menetapkan waran tidak diperlukan untuk melakukan pemeriksaan bukti penganiayaan haiwan di premis perniagaan atau rumah berdasarkan laporan aduan diterima.

Bagi penggemar haiwan peliharaan, mereka tertakut kepada lima keperluan utama iaitu keselamatan dan diet makanan sesuai, membolehkan memamerkan kelihatan semula jadi, ditempatkan bersama atau berasingan dan dilindungi daripada kesakitan, penideraan, kecederaan atau penyalak.

Sebagai rakyat Malaysia yang warhatin, kita tidak mahu lagi merisakan atau mendera kes haiwan jalaan dizalimi.

Adakah kita masih mahu mempunyai sikap seperti masyarakat yang tidak bertamahan dan menjadi bujukan serta kecaman warhatin antarabangsa, hanya kerana bersikap tidak acuh terhadap haiwan jalaan?

Justeru, pendidikan berterusan serta kempen kesedaran mengenai perlindungan kebajikan haiwan perlu dipertingkatkan oleh pihak berkaitan, kerana Malaysia bukan tempat unggul untuk pen-

Akta Kebajikan Haiwan 2015

dikuatkuasakan pada Julai 2017, sebagai manifestasi kerajaan yang sensitif kepada kes kezaliman haiwan.

Ia memperakukan bahawa haiwan peliharaan dan ternakan juga mempunyai hak di dunia ini termasuk bebas daripada dianiaya termasuk 'lapar dan dahaga'.

dera haiwan.

Akta sedia ada juga mendidik rakyat mempunyai sikap bertanggungjawab dengan memastikan haiwan peliharaan atau ternakan mempunyai hak untuk hidup serta dilindungi daripada sebarang ancaman penderitaan.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 sudah memperuncitkan jika individu gagal menjalankan tanggungjawab menjaga kebajikan haiwannya, maka haiwan itu akan diambil dari pemiliknya tidak dibenarkan mengambil haiwan peliharaan lain untuk tujuan jajaan selama setahun.

Pemegang lesen pula digantung sekiranya tidak diadkan di mana-mana juga selama setahun. Saranan Mufti Perlis, Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin baru-baru ini wajar dilibat dari sudut positif jika hanya mahu memelihara haiwan kerana hobi, tetapi gagal mengurus de-

ngan berkesan sehingga menyebabkan jiran masing-masing.

Tanggungjawab memelihara kucing, anjing, arnab atau haiwan ternakan lain, termasuk lembu, kambing adalah besar kerana bukan sahaja memastikan makam dan minum dijaga rapi, tetapi mesti juga mengambil berat soal kesihatannya, ruang persekitaran habitat semula jadi dan perasaannya.

Tiada guna memelihara haiwan peliharaan, tetapi membiarkannya bebas ke luar rumah jiran atau mencarobol ladang serta kebun orang lain yang akhirnya menimbulkan pelbagai masalah. Di sinilah mereka yang tidak peka hati apabila harta benda mereka terjejas, mungkin mengambil tindakan luar jangka, termasuk menyekuti sehingga berkejang memarah haiwan berkejang.

Penulis adalah Penyunting Eksekutif Berita Harian

Projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP)

Rayu KM campur tangan

PNK dakwa pembinaan bakal jejās pendapatan 300 nelayan

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Alot Gajah: Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Melaka Barat merayu campur tangan Ketua Menteri, Adly Zahari, berhubung cadangan projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP), dekat sini, yang didakwa bakal menjejaskan pendapatan 300 nelayan.

Pengerusinya, Mazelan Bakar, berkata ia penting bagi membolehkan nelayan menuntut pampasan daripada syarikat pemaju projek itu.

Katanya, ini berikutan syarikat berkenaan didakwa tidak menunjukkan minat berbincang dengan PNK Melaka Barat mengenai nasib nelayan terbabit akibat

pelaksanaan KLIP kelak.

Beliau berkata, persatuan itu tidak mampu menghalang cadangan projek itu diteruskan, tambahan pula ia bakal memberi pulangan kepada kerajaan negeri melalui caj ke atas pengurusan pelabuhan dan syarikat perkapalan yang beroperasi nanti.

"Kami tidak boleh menghalang kemajuan, termasuk KLIP yang dijangka meningkatkan perolehan kerajaan negeri.

"Namun, kami mahukan pembelaan kerajaan negeri yang mampu memberikan nasihat dan arahan kepada pemaju mengenai nasib nelayan yang hidup ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.

"Kami akan menyerahkan memorandum kepada Ketua Menteri untuk meminta kerajaan negeri campur tangan dalam hal ini," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan empat Ahli Lembaga Pengarah persatuan itu di sini, semalam.

Hasil perbincangan itu, mereka sebulat suara bersetuju merangka memorandum untuk di-

serahkan kepada Adly. Mereka juga membincangkan hala tuju 300 nelayan yang dikatakan bakal terjejas dengan projek itu berikutan kemusnahan batu karang dan habitat pembiakan ikan.

Mazelan mendakwa, setakat ini, pemaju terbabit tidak pernah menyatakan hasrat mengadakan perbincangan dengan PNK Melaka Barat bagi melihat nasib nelayan yang dijangka berdepan kemerosotan hasil tangkapan apabila KLIP dilaksanakan.

"Dalam keadaan sekarang pun nelayan menghadapi kesukaran menangkap ikan kerana banyak kapal bertabuh, apatah lagi apabila pelabuhan bertaraf antarabangsa itu beroperasi kelak," katanya.

Sebelum ini, EXCO Pertanian, Pembangunan Usahawan, Industri Asas Tani dan Koperasi negeri, Norhizam Hassan Baktee, dilaporkan berkata projek KLIP dijangka bermula seawat-lewatnya September depan bagi menjadi jadian perairan Melaka Barat hab perdagangan serantau.



Kami tidak boleh menghalang kemajuan, termasuk KLIP yang dijangka meningkatkan perolehan kerajaan negeri.

**Mazelan Bakar,
Pengerusi PNK Melaka Barat**

■ Bekas jurutera mesin ATM tinggal kerjaya kini miliki 100,000 pokok nenas

Mohd Amin Jali
am@hmetro.com.my

Rombau

Keputusan meninggalkan kerjaya jurutera mesin pengeluan wang automatik (ATM) untuk mengusahakan tanaman nenas ternyata tidak sia-sia buat Khairill Anwar Mohamad, 41, apabila mampu memperoleh pendapatan lumayan.

Kini, bapa kepada lima anak itu mampu tersenyum kerana memiliki 100,000 pokok yang mengeluarkan hasil setiap hari di ladangnya di Kota dekat sini dan di Kampung Kendong, Alor Gajah.

Walaupun pernah kerugian kira-kira RM100,000 hasil tanaman jagung yang tidak menjadi antara 2003 dan 2008, ia tidak mema-



KHAIRILL (kanan) bersama pengunjung yang datang ke pusat pemasaran nenas miliknya di Kota Rombau.

Pernah rugi RM100,000

tahkan semangatnya untuk mengusahakan tanaman nenas pula.

"Saya memulakan projek tanaman nenas jenis MD2 dan Crystal Honey pada 2014 di kawasan seluas empat hektar di Kota dan Kampung Kendong, Alor Gajah.

"Projek dimulakan dengan modal permulaan kira-kira RM50,000 bagi penyediaan tapak serta infrastruktur ladang. Selépas menampilkan kemajuan,

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) membantu dari segi pembekalan benih, baja selain khidmat nasihat.

"Bermula dengan hanya 3,000 pokok, kini saya memiliki hampir 100,000 pokok nenas jenis MD2 dan Crystal Honey," katanya ketika ditemui di ladangnya.

Katanya, selain tanah yang diusahakan itu milik keluarga, sebahagian daripadanya dipajak daripada

pemilik penduduk setempat.

Menurutnya, permintaan yang sentiasa meningkat menambahkan semangatnya untuk terus berusaha gigih bagi memenuhi pasaran di daerah ini, Seremban, Melaka dan Lembah Klang.

Katanya, walaupun kerja menguruskan ladang seperti meracun dan mengumpul sulur memenatkan namun ia menyeronokkan dan berbaloi dengan usaha yang dicurahkan.

Khairill Anwar berkata, meskipun pada peringkat permulaan tanaman itu hanya boleh dituai antara 12 hingga 15 bulan, namun ia mampu memberi pulangan lumayan.

Beliau turut mengakui berpuas hati dengan usahanya terbabit dalam tanaman nenas kerana mampu memasarkan sekitar 3,000 biji nenas setiap minggu.

Menurutnya, ketika ini harga di pasaran bagi kedua-dua jenis nenas antara RM5 dan RM7 sekilogram dan bekalan buah itu sentiasa tidak mencukupi.

"Selain memenuhi permintaan peniaga dan pelanggan di pasar tani dan pekan, saya turut memasarkan sendiri sehingga ke ibu negara bergantung kepada permintaan.

"Namun, ada juga yang datang terus ke ladang bagi mendapatkan nenas, saya juga menyediakan pakej kepada pengunjung untuk belajar cara tanam nenas," katanya yang akui kini mampu memperoleh pendapatan bersih antara RM9,000 hingga RM10,000 sebulan.

KHAIRILL menunjukkan buah nenas yang baru dipetik di ladangnya di Kota Rombau.



Headline	Buying Musang King in the day		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,226



白天买猫山王

作为马来西亚榴梿的“忠实推销员”，中国驻马大使白天今日在北京专程前往中国零售平台盒马鲜生商城考察，并购买来自马来西亚的冷冻带壳猫山王品种榴梿。

大马的冷冻带壳榴梿，是在6月19日起开始出口至中国。

农业及农基工业部部长拿督沙拉胡丁预计，大马每个月将出口约1000公吨的各式榴梿品种至中国市场，并为国家出口总额贡献5亿令吉。



Headline	Ministry to monitor all PPK activities to avoid misappropriation		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	11	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	41 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 449
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,348



Ministry to monitor all PPK activities to avoid misappropriation

KOTA KINABALU: The activities of the Local Farmers' Organisation (PPK) nationwide will be monitored to avoid any misappropriation, said the ministry of agriculture and agro-based industry. Its Minister Datuk Salahuddin Ayub said this had to be done to ensure all the PPK are well-managed and that the activities are beneficial to the people. "Regardless the background of the PPK leaders, I want them to work for the people," he said while visiting the aquaculture project in Kampung Sendil Putatan near here yesterday. — *Bernama*

Headline	China ambassador to M'sia picks up whole durian in Beijing supermarket after inaugural		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	15 Jul 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	1
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 350
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,050

China ambassador to M'sia picks up whole durian in Beijing supermarket after

PETALING JAYA: Following Malaysia's inaugural export of homegrown frozen whole durian to China on June 17, its ambassador Bai Tian tried his hand at making his first purchase of the thorny fruit at an online-offline supermarket in Beijing Sunday (July 14)...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***